



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

KARNIVAL PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT KOMUNITI MADANI SASAR 12,000 PENYERTAAN, TEKAD CIPTA SEJARAH MELALUI PENGIKTIRAFAN MBOR

Putrajaya - Kolej Komuniti (KK) menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat setempat melalui tawaran kursus sepenuh masa yang diiktiraf oleh kerajaan dan kursus pendek melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Lulusan KK yang berkecukupan boleh meneruskan pengajian ke peringkat diploma di KK, Politeknik atau di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang lain.

Program PSH terus menjadi perhatian dan tumpuan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam memperkasa komuniti MADANI. Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin pada ucapan beliau sebelum ini berkata, peranan KK perlu terus diperkasa dan menjadi saluran pengajian sepanjang hayat kepada masyarakat terutama kepada individu atau komuniti yang mahu melengkapkan diri dengan kemahiran baharu atau memperbaharui kemahiran lama.

Kini sebanyak 105 buah KK yang bernaung di bawah KPT adalah merupakan salah sebuah institusi pendidikan di Malaysia yang ditubuhkan khusus untuk membentuk komuniti yang lebih dinamik. Justeru, dengan penganjuran Karnival PSH Komuniti MADANI ini adalah satu program yang memberi manfaat kepada komuniti secara keseluruhannya.

Karnival PSH Komuniti MADANI yang berfokuskan kepada penyertaan peserta Kursus Pendek akan dikendalikan dan dipecahkan kepada 10 zon iaitu:

- i. Zon Perak - 13 buah KK;
- ii. Zon Perlis dan Kedah - 10 KK induk bersama dua (2) cawangan;
- iii. Zon Pulau Pinang - enam (6) KK;
- iv. Zon Selangor dan Kuala Lumpur - 10 KK;
- v. Zon Negeri Sembilan dan Melaka - 11 KK;
- vi. Zon Johor - 13 KK termasuk KK Satelit Pontian;
- vii. Zon Pahang - 11 KK termasuk KK Paya Besar Cawangan Maran;
- viii. Zon Kelantan dan Terengganu - enam (6) KK;
- ix. Zon Sabah - lapan (8) KK; dan
- x. Zon Sarawak - tujuh (7) KK termasuk KK Sarikei Cawangan Sibul.

Dalam pada itu, sebanyak 550 jenis kursus pendek akan dikendalikan secara serentak pada 14 Oktober 2023, Sabtu ini di 95 buah KK merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan jangkaan seramai 12,000 penyertaan bakal diterima yang akan menyertai kursus berkenaan. KK juga bertekad untuk mencipta sejarahnya tersendiri apabila bakal menerima pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Record* (MBOR) di dalam penganjuran program ini melalui penyertaan teramai dan serentak di seluruh negara.

Di samping itu, karnival ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada komuniti sekaligus mampu meningkatkan 'keterlihatan' KK di mata masyarakat terutamanya menerusi sumbangan terhadap peningkatan taraf sosio-ekonomi komuniti setempat dalam 10 bidang utama.

Justeru, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), KPT mengalu-alukan orang ramai untuk ke mana-mana KK berhampiran mereka bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan karnival ini dan mengikuti kursus pendek yang ditawarkan secara percuma.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

12 OKTOBER 2023

*Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat,
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti*

Tel: 03- 8888 2515